

16/06/2003

Luar bandar turut perlukan kemudahan sukan

Raja Ahmad Zainuddin

WALAUPUN kita pernah dikejutkan dengan kejayaan luar biasa pelayar solo, Datuk Azhar Mansor dan perenang Abdul Malik Mydin, catatan rekod Kam Su-Sze yang diiktiraf Malaysia Book of Records turut membuka satu lagi lembaran sejarah untuk negara.

Biarpun tiada permaidani merah dihamparkan seperti ketika menyambut Azhar dan Abdul Malik, anak kecil berusia dua tahun enam bulan itu tetap menjadi perhatian ramai kerana kejayaannya berenang sejauh 50 meter tanpa

henti - jarak kolam renang bersaiz Olimpik pada 3 Jun lalu.

Apakah Su-Sze ibarat permata yang dikurniakan untuk menggantikan bekas

ratu renang negara, Nurulhuda Abdullah? Anggaphlah apa pun yang pasti ibunya, Cheong Kim Tho, 39, adalah insan paling gembira di atas pencapaian anaknya itu.

Kejayaan itu juga bertepatan dengan cabaran yang dilontarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada generasi muda supaya berusaha mencatat rekod baru.

Tahniah dan syabas kepada Kim Tho kerana walaupun di peringkat awal dia tidak pernah merancang menjadikan anaknya itu seorang perenang yang serius, setidak-tidaknya kebolehan Su-Sze akan membuka mata kepada ibu lain untuk mencuba. Manalah tahu seperti kata pepatah 'tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu'.

Sebenarnya, Perdana Menteri tidak bertepuk sebelah tangan ketika mengilhamkan slogan 'Kita Boleh.' Kini ramai yang tampil untuk membuat rekod baru. Misalnya Abdul Malik yang selepas ini akan mencuba pula berenang di Selat Inggeris.

Kejayaan pasukan futsal negara menjulang satu daripada tiga piala yang dipertandingkan di Kejohanan Dunia KL 5s baru-baru ini juga sebagai satu lagi cabaran baru yang disambut walaupun, kita masih dianggap masih hingusan dalam permainan itu jika dibandingkan dengan negara Amerika Selatan, Eropah dan Asia seperti Iran dan Thailand.

Justeru dalam alaf baru ini, tidak mustahil rakyat Malaysia tidak boleh melakukannya. Siapa sangka, Muhamad Hafiz Hashim boleh mengejutkan dunia badminton dunia apabila anak kelahiran Kelantan itu muncul juara perseorangan baru Seluruh England musim ini.

Barangkali, itulah juga yang menjadi impian Dr Mahathir agar suatu hari nanti ada rakyat negara ini mampu merentasi benua sejuk Antartika dengan berjalan kaki sebagai membuktikan kesungguhan mereka menghadapi risiko dan cabaran.

Mungkin masa yang akan menentukannya. Begitupun, ia tidaklah mustahil, kerana sebelum ini Azhar telahpun membuktikannya apabila melakukan pelayaran secara solo dan yang terbaru ialah Abdul Malik ketika berenang

merentasi Selat Melaka dari Kuala Perlis ke jeti Kuah sejauh 48 kilometer dengan lebih 46,000 kayuhan tangan dengan catatan masa 14 jam 3 minit dan 13 saat dan menjadi rakyat Malaysia pertama melakukannya.

Begitupun, slogan Malaysia boleh sewajarnya diterjemahkan sebaik mungkin. Hingga ke hari ini, kita masih lagi dihantui dengan kegilaan anak-anak muda di dalam perlumbaan haram atau lebih mudah disebut Mat Motor.

Saban malam pada setiap hujung minggu atau cuti umum, beratus-ratus motosikal beratur untuk berlumba tanpa mengira tempat di jalan-jalan raya.

Mereka yang terdiri remaja lelaki dan perempuan ini, bukan saja terdedah kepada bahaya kemalangan, tetapi juga mengganggu serta menghalang, orang lain dan kadangkala boleh menakutkan pemandu-pemandu lain.

Mereka ini juga secara tidak langsung seperti mencabar penguat kuasa kita. Ini tidak pula bermakna saya cuba mempertikaikan kewibawaan mereka yang bertanggungjawab serta seolah-olah bertanya apa kita masih mahu terus

bertolak ansur dalam memenangi masalah ini.

Saya sendiri ketika terjebak kepada kumpulan ini juga terpaksa beralah,

bimbang berlaku kemalangan. Soalan saya, kenapa tidak diadakan litar lumba? Supaya mereka ini boleh berlumba secara sah dan akhirnya kita tidak

akan ketandusan pelumba-pelumba yang berbakat dan kelak bertaraf pro.

Dalam hubungan ini, kita tidak mempersoalkan kewibawaan Rakan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) seperti mana yang dilakukan oleh

Menterinya Datuk Hishamuddin Tun Hussein ketika menaja futsal jempunan Kuala Lumpur baru-baru ini.

Saya sendiri pernah membangkitkan isu peruntukan yang tidak mencukupi ketika persidangan Parlimen lalu, kerana keadaan hidup belia pada masa ini

sudah jauh berubah dan ini salah satu faktor yang menyebabkan ada di antara mereka terjebak dengan kegiatan tidak bermoral.

Sementara itu, kita sememangnya mengalu-alukan sebarang projek berupa kompleks sukan oleh KBS, tetapi biarlah ia bertaburan dalam erti kata boleh membantu mengembangkan lagi aktiviti di peringkat luar bandar dan tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan yang sudah sedia terdedah kepada pelbagai kemudahan dan tumpuan ramai.